

Majlis Interaksi Akademik Jalin Kerjasama PIBG Dalam Meningkatkan Prestasi Murid SMKTB



Labuan, 13 Ogos – SMK Taman Perumahan Bedaun telah mengadakan Majlis Interaksi Akademik Bersama Ibu Bapa/ Penjaga, Penetapan Matlamat Calon SPM 2022 dan Pemugaran Program STEMEC dalam kalangan ibu bapa/ Penjaga.

Seramai 347 orang ibu bapa atau penjaga yang menghadiri program ini bersama dengan anak masing-masing bertujuan untuk mengambil slip Peperiksaan Pertengahan Tahun 2022 dan slip Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Turut hadir sebagai tetamu kehormat iaitu Pegawai Angkat Sekolah, Encik Mohd Nazri bin Mustapa, dan Yang Di-Pertua PIBG, SMK Taman Perumahan Bedaun, Encik Heidar

Hussein bin Mohammad Rashid.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membincangkan halatuju dan perkembangan pembelajaran murid terutamanya murid Tingkatan 5 yang akan menduduki SPM. Selain itu, perkongsian idea antara pihak sekolah dan ibu bapa/ penjaga dapat mengeratkan serta hubungan seterusnya meningkatkan kerjasama antara ibu bapa/ penjaga dan guru-guru dalam menangani masalah murid sama ada dari segi kehadiran, sahsiah dan prestasi akademik.



Yang Di-Pertua PIBG SMKTPB, Encik Heidar Hussein Bin Mohammad Rashid, mengetuai Ikrar Akujanji Ibu Bapa/ Penjaga

Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Encik Awang Adi bin Tuah, memberikan taklimat menangani kehadiran murid Tingkatan 5. Dalam taklimat ini, beliau menerangkan faktor-faktor utama ketidakhadiran murid, murid-murid Tingkatan 5 yang kerap tidak hadir ke sekolah dan juga intervensi yng dijalankan oleh pihak sekolah dalam menangani masalah ketidakhadiran murid Tingkatan 5 khasnya untuk membantu dalam meningkatkan prestasi murid dalam SPM.

Selain itu, Penolong Kanan Akademik, Puan Chai Yee San,

meneruskan sesi Taklimat Interaksi Akademik dengan menyatakan tujuan interaksi akademik diadakan. Penetapan matlamat calon SPM 2022 juga diberikan dalam taklimat beliau ini. Beliau juga menekankan kepentingan subjek Bahasa Melayu dan Sejarah dalam menentukan calon SPM layak mendapat sijil atau tidak. Seramai 15 orang murid disenaraikan sebagai pelajar target cemerlang bagi SPM 2022.

Dalam sesi taklimat yang terakhir, Puan Chai Yee San menjelaskan SMKTPB telah dipilih untuk menjadi antara Sekolah Contoh STEM daripada 32 buah sekolah di Malaysia. Beliau menjelaskan matlamat pendidikan STEM, Strategi, Kesan Penerapan STEM kepada PdPc dan murid. Selain itu, beliau juga menjelaskan peranan ibu bapa/ penjaga serta harapan sekolah iaitu menjadi Sekolah Model STEM yang cemerlang dengan kerjasama padu daripada semua pihak terutama sokongan ibu bapa/ penjaga.

Program diteruskan dengan Ikrar Akujanji Penetapan Matlamat SPM yang dipimpin oleh wakil murid Tingkatan 5, adik Maizura Mazliani binti Mazlan,. Manakala Yang Di-Pertua PIBG, Enik Heidar Hussein Bin Mohammad Rashid, pula mengetuai Ikrar Akujanji Ibu Bapa/ Penjaga.

Selepas sesi taklimat, sesi pengagihan Slip Peperiksaan Pertengahan Tahun 2022 dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) oleh guru kelas diadakan di Dataran Bedaun untuk Murid Tingkatan 5. Manakala untuk Tingkatan 1 hingga 4 diadakan di dalam kelas masing-masing.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Encik Awang Adi



Puan Chai Yee San



Ikrar Akujanji Penetapan Matlamat SPM yang dipimpin oleh adik Maizura Mazliani